

# Mahasiswa perlu perkukuh perpaduan

**M**AHASISWA perlu mewujudkan semangat setia kawan, memperkukuhkan perpaduan dan saling membantu di antara satu sama lain bagi memudahkan proses pembelajaran.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (MPPUSIM), Muhammad Hilmi Juhari berkata, sikap sebahagian besar mahasiswa yang selesa dengan kelompok tertentu sangat dikesali kerana bukan saja menyebabkan ruang pergaulan sempit, malah merugikan kerana penyampaian ilmu serta kemahiran terbatas.

Menurutnya, kampus adalah landasan mahasiswa memperbaiki dan meluaskan jaringan persahabatan kerana bakal membantu sewaktu menjalani kehidupan dalam komuniti masyarakat sebenar.

"Kebanyakan mahasiswa hanya menumpukan perhatian pada kelompok mereka menyebabkan ruang perhubungan antara warga kampus terbatas. Ia merugikan kerana perkongsian maklumat terhad.

"Jangan bataskan perhubungan sebaliknya jalinkan persahabatan dengan rakan lain. Kampus bukan sekadar tempat belajar, tapi tempat melatih dan memperbaiki diri hidup bersama komuniti masyarakat kelak.

"Alangkah ruginya tidak menggunakan peluang itu, bukan sekadar berpeluang bertemu rakan baru, malah memperbaiki kemahiran insaniah. Jangan lepaskan peluang ini, sebaliknya gunakan bagi membina masa depan," katanya.

Beliau juga menasihatkan mahasiswa supaya menjaga keharmonian kaum di kalangan warga kampus supaya jangan menimbulkan isu sensitif yang

boleh menggugat keamanan.

"Kampus tempat belajar, jangan cemarinya dengan budaya yang boleh merosakkan keharmonian kaum. Binalah sikap saling membantu, bertolak ansur dan tidak mementingkan diri sendiri.

"MPPUSIM berharap mahasiswa tumpukan fokus pada pelajaran dan menjalin hubungan mesra. Mereka adalah rakan meskipun berbeza budaya, kepercayaan dan latar belakang," katanya.

## “

**Alangkah ruginya tidak menggunakan peluang itu, bukan sekadar berpeluang bertemu rakan baru, malah memperbaiki kemahiran insaniah. Jangan lepaskan peluang ini, sebaliknya gunakan bagi membina masa depan”**

**>Muhammad Hilmi Juhari**  
Yang Dipertua Majlis  
Perwakilan Pelajar Universiti  
Sains Islam Malaysia  
(MPPUSIM)



**JALINAN UKHUWAH...** mahasiswa perlu mengambil kesempatan memperkukuhkan hubungan mesra antara satu sama lain tanpa perlu mengira latar belakang dan kefahaman demi memupuk keharmonian di kampus.